

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



## LAPORAN PROGRAM CERAMAH DI MADRASAH AZ ZAKIRIN, CHENGKAU, REMBAU, NEGERI SEMBILAN

*Ditulis oleh: Ahmad Azman Bin Mohamad  
Ramli*

Pada tarikh 26 September 2023, bersamaan pada hari Selasa, bermula pada pukul 9 pagi sehingga pukul 12 tengah hari, seramai lima orang pensyarah daripada Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau yang diketuai oleh Encik Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli telah mengadakan program khidmat masyarakat di sebuah institusi pendidikan agama persendirian yang bernama Madrasah Az Zakirin yang terletak di Chengkau, Rembau, Negeri Sembilan.

Madrasah ini dimiliki dan diurus oleh individu yang bernama Ustaz Zakaria bin Talib dan mula beroperasi pada tahun 2007. Ketika ini madrasah ini mempunyai seramai 20 orang pelajar daripada pelbagai peringkat umur dan menyediakan pengajian mata pelajaran agama seperti hafazan Al-Quran, pengajian kitab Islam dan ilmu kemahiran hidup seperti bercucuk tanam dan penternakan. Madrasah ini menyediakan kemudahan asrama kepada para pelajarnya. Disamping itu, madrasah ini juga menyediakan kelas-kelas pengajian agama kepada masyarakat setempat.

Program khidmat masyarakat ini adalah merupakan program kedua diadakan oleh para pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat di madrasah ini. Program khidmat masyarakat pertama telah diadakan pada tarikh 27 September 2022 yang lalu. Program kedua ini adalah berbentuk sesi perkongsian ilmu daripada para pensyarah kepada para pelajar madrasah. Dalam sesi ini, dua orang pensyarah telah menyampaikan dua tajuk ceramah. Ceramah pertama bertajuk Asas Penyelenggaraan Komputer dan Pengenalan kepada *Internet of Things (IOT)* dan ceramah kedua pula bertajuk Asas Pemeliharaan Buku di Perpustakaan. Ceramah pertama disampaikan oleh Encik Ahmad Soufiean Bin Othman dan ceramah kedua disampaikan oleh Encik Mohd Naim Bin Mohd Nasri.



**Gambar 1: Peserta ceramah sedang tekun mengikuti ceramah**

Seramai 15 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar madrasah telah mengikuti sesi ceramah ini. Selain daripada mengikuti sesi ceramah, para peserta juga telah mengambil kesempatan beramah mesra dengan para pensyarah yang hadir dalam program ini. Bagi para pensyarah pula, mereka telah mengambil kesempatan memperkenalkan dengan lebih dekat Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau kepada para peserta ceramah.



**Gambar 2: Pensyarah dan peserta ceramah bergambar ramai selepas sesi ceramah berakhir**

Sesi perkongsian ilmu yang berakhir pada pada sekitar pukul 12 tengah hari ini dilihat telah memberikan pelbagai faedah kepada warga madrasah dan para pensyarah. Contohnya melalui program ini, para pelajar

madrasah telah didedahkan dengan ilmu baru yang belum diajar di madrasah tersebut. Selain itu sesi ini juga dilihat telah berjaya merapatkan lagi jalinan kerjasama di antara para pensyarah dengan pihak pengurusan madrasah. Sesungguhnya situasi ini diharap boleh membantu meningkatkan lagi imej Pusat Pengajian Sains Maklumat secara khususnya dan UiTM Kampus Rembau secara amnya kepada warga madrasah dan masyarakat setempat. Sehubungan dengan itu, program khidmat masyarakat sebegini dirancang akan diteruskan lagi pada masa hadapan.